

PEMBANGUNAN MODAL INSAN KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI HIDUP MASYARAKAT

Haryati Shafii¹, Sharifah Meryam Shareh Musa² & Zakila Abd Rahman³

¹, ²Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor MALAYSIA

³Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya, MALAYSIA

haryati@uthm.edu.my, meryam@uthm.edu.my, zaki4296@yahoo.com.my

Abstrak

Pembangunan negara menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang pesat bermula daripada tahun 1957 hingga 2008. Pembangunan di Malaysia menunjukkan ciri-ciri kekuatan yang pelbagai. Walaupun demikian terdapat satu isu kelemahan yang utama, iaitu pembangunan yang dijalankan adalah tidak seimbang antara material dan bukan material. Konsep modal insan yang diterimapakai menekankan pendidikan dan kemahiran perlu diperhalusi dan dilihat semula supaya ianya lebih menyeluruh dan mantap selaras dengan matlamat pembangunan itu sendiri. Pembangunan mampan bukan sahaja boleh diterimapakai dalam agenda pembangunan negara, bahkan boleh diterapkan dalam mewujudkan modal insan yang berkualiti. Melihat kepada isu dan cabaran dewasa ini sudah pasti modal insan yang berpendidikan dan berkemahiran sahaja tidak memadai. Modal insan itu sendiri seharusnya dilengkapi dengan nilai-nilai yang murni dan bersikap optimistik. Ini kerana matlamat pembangunan bukanlah untuk tujuan pembangunan (material) semata-mata. Sebaliknya, pertumbuhan adalah cara dan alat untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik bagi manusia dan untuk meningkatkan tamadun manusia

Kata Kunci: *Modal Insan, Pembangunan, Kualiti Hidup, Berpendidikan, Berkemahiran*

Abstract

Country's development had transformed and increased of economy since 1957 to 2008. Development in Malaysia show that all aspects and struggle. However, country's still had a lacked of major issues, its development not balanced between material and non-material. Human capital concept had accepted our education and skill. But at same time, situation must be looking back so that it's covered and strengthen of correlated with goal development. Sustainable development not just accepted in material development aspects, but still accepted on creates quality of life of human capital. Of course the human capital with education and skills is not enough. Human capital must be complete with development goals and not enough for material development objective only. However, development is tool and method to achieve to better quality of life to human and for human civilization increase.

Keywords: *Human Capital, Development, Quality of Life, Education, Skills*

1.1 PENGENALAN

Malaysia kini memasuki era baru pembangunan yang 'selesa' iaitu menuju ke alaf negara maju pada abad ke 21. Menoleh kebelakang, sejarah ekonomi Malaysia melakarkan kejayaan sejak 1957 hingga 2008. Walaupun terdapat cabaran dalam mendepaninya seperti krisis ekonomi negara antara tahun 1997 hingga 1998, kemudian Malaysia berjaya mengharunginya dan terus memacu ekonomi setanding dengan negara-negara membangun lain di dunia. Kini penghujung tahun 2008 dan menjelang tahun 2009, Malaysia menyaksikan sekali lagi keadaan ekonominya terkesan ekoran kejatuhan harga minyak dunia (Dollar AS 36.00 setong-pada tarikh 18 Disember 2008) dan pergolakan politik di serata dunia seperti di Timur Tengah, India, Amerika Syarikat dan negara-negara Asia yang lain.

Berpandukan pada polisi negara “pertumbuhan dan agihan” yang dilaksanakan dalam Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan diteruskan dalam Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) serta Dasar Pembangunan Wawasan (2001-2010) struktur masyarakat Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara. Kebangkitan kelas menengah, kelas korporat dan perkembangan masyarakat sivil adalah antara beberapa contoh perubahan dalam struktur masyarakat di Malaysia. Seiring dengan itu, disaksikan juga dengan kemunculan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak memperjuangkan agenda tertentu seperti demokrasi, hak asasi manusia, tadbir urus baik, integriti, etika, ketelusan dan pertanggungjawaban (Abdul Rahman 2007). Kepentingan badan ini memang tidak dapat dipertikaikan lagi sebagai “*Chek and balance*” kepada pemerintahan kerajaan Malaysia.

Pembangunan di Malaysia menunjukkan ciri-ciri kekuatan yang pelbagai. Walaupun demikian terdapat satu isu kelemahan yang utama, iaitu pembangunan yang dijalankan adalah tidak seimbang antara material dan bukan material. Konsep modal insan yang diterimapakai menekankan tentang pendidikan dan kemahiran perlu diperhalusi dan dilihat semula supaya ianya lebih menyeluruh dan mantap selaras dengan matlamat pembangunan itu sendiri.

2.1 ISU PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN KUALITI HIDUP

Malaysia kini memasuki era pembangunan bertaraf alaf baru dan bermatlamat ke arah negara maju menjelang 2020. Pembangunan yang dijalankan Malaysia wajar diberi pujian kerana terdapat prasarana kelas pertama yang berjaya diwujudkan. Perkembangan yang positif daripada segi perhubungan; darat, udara dan air, telekomunikasi dan internet. Kewujudan bandar pentadbiran berkelas dunia ‘*Intelligent city*’ di Putrajaya adalah antara pembangunan yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Justeru, pencapaian ekonominya cukup cemerlang.

Walau bagaimanapun jumlah penduduk Malaysia seramai 26 juta orang lebih pada hari ini wajar diberi perhatian. Bilangan penduduk yang tinggi dalam negara bukan sahaja sebagai ‘*market*’ bagi memasarkan sesuatu produk, bahkan satu tanggungjawab negara bagi memastikan rakyatnya dapat menyumbang kepada pembangunan dalam negaranya. Dewasa ini memperlihatkan pembangunan modal insan negara berada dalam ‘status pincang’ perlu diperhalusi semula. Sungguhpun matlamat pembangunan negara adalah menjadi negara maju mengikut ‘acuan sendiri’, hakikatnya pembangunan itu sendiri adalah daripada manusia dan akhirnya kepada manusia itu sendiri. Justeru, apa sahaja strategi dan program pembangunan yang telah dilaksana, sedang dilaksana dan akan dilaksanakan seharusnya mengambil kira terhadap ‘fokus’ manusia itu sendiri, supaya pembangunan yang dijelmakan bersifat mesra manusia dan akhirnya dapat memberi kesejahteraan kepada mereka. Apa yang cuba dijelaskan di sini adalah dengan memasukan elemen-elemen “*Software*” yang akan menjiwai manusia daripada aspek nilai-nilai murni seperti kebertanggungjawaban, adil, saksama, kejujuran, keikhlasan, integriti dan sebagainya.

Memang tidak dapat dinafikan Malaysia telah mengalami transformasi yang cukup mendalam baik daripada segi ekonomi, politik dan hubungan sosial. Transformasi ekonomi negara dapat disaksikan melalui ekonomi yang berasaskan tani kepada perindustrian dan perkhidmatan. Perkembangan politik juga cukup membanggakan. Kestabilan daripada segi keamanan, hak berpolitik, pertumbuhan golongan kelas menengah (korporat), NGO dan sebagainya. Buktinya Malaysia telah berjaya menyambut 50 tahun kemerdekaan dalam suasana yang aman pada tahun 2007. Walaupun terdapat kacau ganggu politik daripada parti pembangkang, namun ianya tidak menjejaskan pentadbiran induk negara.

Walau bagaimanapun, transformasi daripada segi sosial dilihat terdapat perubahan ‘negatif’ yang memerlukan pihak tadbir urus mendepaninya secara bijak. Elemen sosial yang bermaksud manusia dengan budaya dan sumber-sumber sosial mereka, merangkumi nilai-nilai kemanusiaan yang perlu dipelihara dan dikembangkan dalam konteks membina bangsa Malaysia yang bersatu (Abd Rahman 2007). Kecacatan, kelemahan, ketirisan, kecikiran dalam mentadbir urus komponen

ini akan menjejaskan pembinaan tamadun Malaysia. Untuk itu, kualiti kemantapan rohani sebagai kekuatan dalam amat perlu pada generasi kini dalam menghadapi masyarakat luar pada hari ini (Zaleha Kamarudin 1996).

Perubahan pola sikap, budaya dan pemikiran golongan muda kini (modal insan negara) semakin membimbangkan. Mereka terpengaruh dengan anasir-anasir dari luar menyebabkan ramai belia terjebak dengan aktiviti tidak bermoral seperti penagihan dadah, pelacuran, menjadi ‘Mat Rempit’ dan mahukan kehidupan glamour. Malahan negara juga menyaksikan indeks rasuah di kalangan kaki tangan kerajaan pada tahun 2007 adalah meningkat, dan kemungkinan besar indeks pada tahun 2008 juga menunjukkan peningkatan. Persoalannya kenapa keadaan ini berlaku? Di saat negara mempunyai pelbagai pelan pembangunan yang hebat, seperti Wawasan 2020, Pelan Integriti Nasional (PIN), Dasar Pembangunan Negara (DSN), Rancangan Malaysia; RMK 3, RMK 4, RMK 5, RMK 6, RMK 7, RMK 8, dan RMK 9 yang jelasnya bermatlamat ke arah negara maju.

Menyusuri agenda pembangunan negara, hakikatnya Malaysia mempunyai Wawasan 2020 yang dibentangkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad pada 28 Februari 1991, bertujuan membawa Malaysia menjadi negara maju mengikut ‘acuan sendiri’. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘acuan sendiri’? (Rujuk Wawasan Dokumen 2020-1991). Menurut Wawasan 2020, Malaysia mempunyai sembilan cabaran (Rujuk Mahathir 1991:2). Daripada sembilan cabaran ini, rumusannya lapan cabaran adalah bersifat sosial, budaya dan politik, manakala hanya cabaran ke- 9 sahaja yang menumpukan pada dimensi ekonomi. Ini jelas menunjukkan bahawa besar cabarannya adalah berkenaan untuk menangani pembangunan dari segi *software*, iaitu pembangunan manusia, dan hanya satu sahaja secara khusus mengarah kepada pembangunan *hardware/fizikal*.

Walau bagaimanapun, pengisian Wawasan 2020 itu sendiri lebih memfokuskan kepada pembangunan ekonomi, sains dan teknologi dan sebagainya. Manakala cabaran-cabaran lain tidak diberi perhatian yang serius seperti kehendak wawasan 2020. Persoalannya kenapa terjadi demikian? Mungkinkah kerana sewaktu Wawasan 2020 dibentangkan negara berada dalam dekad 1990-an yang mana pada masa itu semua negara berlumba-lumba mengejar untuk menjadi negara perindustrian. Dengan itu, aspek yang dikenalpasti menuju ke arah itu telah diberi perhatian yang tinggi, dan terus meminggirkan pembangunan *software* sewenang-wenangnya. Justeru, aspirasi dan cita-cita agung Wawasan 2020 yang sudah mengandungi unsur-unsur pembangunan manusia serta membina tamadun Malaysia telah wujud. Namun, apa yang menyedihkan ialah Malaysia telah dibangunkan dalam keadaan keasyikan mengejar keuntungan, tuntutan pasaran dan akhirnya mencorak kepada pembangunan yang kaya dari segi material, tetapi miskin jiwanya.

Walau bagaimanapun, dalam membentuk serta menanamkan nilai-nilai murni bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh dilakukan dalam masa yang singkat, contohnya bermula dari tadika/sekolah rendah/sekolah menengah/kolej/universiti dan sebagainya. Ini kerana mereka yang terlibat dalam proses pembinaan peribadi ini harus mempunyai kesabaran, iltizam dan istiqamah yang sentiasa berada pada tahap yang maksimum (Noor Azlan Ahmad Zanzali 1995).

Proses pembentukan sumber manusia ke arah berkualiti seharusnya bermula sejak manusia itu dilahirkan atau lebih awal semenjak dalam kandungan lagi dan berterusan pada peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa, tua dan akhirnya ke akhir hayat. Maknanya di sini ialah proses pembentukan modal insan /sumber manusia yang berkualiti seharusnya bermula sejak awal dan berterusan atau ‘proses sepanjang hayat’ dan perlulah seimbang antara pembangunan fizikal dan pembangunan sosial.

3.1 PENGERTIAN KONSEP KUALITI HIDUP

Kajian kualiti hidup adalah berkaitan dengan keadaan kehidupan yang baik dan selesa dengan keperluannya diperolehi (Raphael et al. 2001; Carlsson et al. 2002) dan ianya berkaitan dengan perspektif

psikologi dan sosiologi (Raphael et al. 1996). Kajian kualiti hidup penting bagi menggambarkan kemampuan bandar/modal insan/manusia/apa sahaja yang bertujuan ke arah kehidupan yang lebih baik dan selesa. Sebagai contoh, bandar mampan ialah sebuah bandar yang selesa dan dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat di dalamnya secara berterusan. Berdasarkan fenomena ini, usaha pembangunan ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat bandar dan pembangunan sesebuah negara adalah berpandukan pada pembangunan mampan.

Terdapat tiga pendekatan falsafah yang menentukan kualiti hidup. Pertama, ciri kehidupan yang sejahtera (*good life*), ditentukan oleh kebaikan normatif berasaskan agama, falsafah dan sistem-sistem yang lain. Kedua, berasaskan kepuasan pilihan (*satisfaction of preferences*), iaitu memilih perkara yang meningkatkan kualiti hidup di sebalik kekangan sumber (dipengaruhi pemikiran ekonomi). Ketiga, mengikut pengalaman individu iaitu perspektif kesejahteraan subjektif yang digunakan dalam sains psikologi dan perlakuan (Brock 1993).

Pentakrifan tentang kualiti hidup pula menunjukkan betapa sukar ianya ditakrifkan, kerana ia membawa kepada konsep yang pelbagai. Kualiti hidup bukan sahaja melibatkan taraf kehidupan masyarakat, bahkan turut menggambarkan tentang kebendaan, ketersediaan dan ketersampaian kemudahan sosial, ekonomi, pengangkutan dan infrastruktur serta pilihan kemudahan rekreasi dan taman permainan kanak-kanak. Oleh yang demikian, menurut Cummins (1999) dan Lim et al. (1999), terdapat 100 definisi yang telah diberikan untuk menerangkan aspek kualiti hidup. Ini menunjukkan bahawa kualiti hidup adalah pelbagai dimensi. Kebiasaannya ia boleh dibahagikan kepada sesuatu yang objektif dan subjektif. Bersifat objektif di sini bermaksud, ianya boleh dikenal pasti. Manakala subjektif pula adalah komponen yang melibatkan perasaan umum terhadap kehidupan (Cummins 1999; Leitmann 1999; Busch 1999; Carlsson et al. 2002).

Bagaimanapun, Jabatan Perdana Menteri (1999), mentakrifkan konsep kualiti hidup dalam konteks yang lebih luas, iaitu dengan mengambil kira sebarang aspek dan aktiviti penduduk yang bertujuan meningkatkan tahap kesejahteraan sosial yang selari dengan aspirasi negara. Takrifan yang lebih menyeluruh diberikan oleh JPM ini mempunyai hubungan dengan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT). Ia menyifatkan pembangunan ekonomi negara yang pesat boleh memangkinkan kewujudan peluang-peluang yang dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk (Malaysia 1999).

Untuk mengukur kualiti hidup rakyat Malaysia, Jabatan Perdana Menteri telah memilih 10 bidang dan 38 penunjuk untuk mewakili ukuran agregat kualiti hidup. 10 bidang tersebut termasuklah;

- a. Pendapatan dan pengagihan
- b. Persekitaran kerja
- c. Pengangkutan dan komunikasi
- d. Kesihatan
- e. Pendidikan
- f. Perumahan
- g. Alam sekitar
- h. Kehidupan berkeluarga
- i. Penyertaan sosial
- j. Keselamatan awam.

Kesimpulannya, kualiti hidup bukan hanya melibatkan kebendaan tetapi juga melibatkan semua perkara yang dapat mempengaruhi tahap kepuasan manusia mengikut ruang dan masa. Oleh yang demikian, kualiti hidup merujuk kepada perubahan yang berlaku dalam masyarakat ke satu arah yang lebih baik, iaitu semakin memenuhi tahap berpuashati di kalangan masyarakat, bagi meneruskan kelangsungan untuk hidup selesa.

4.1 KONSEP PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Konsep pembangunan modal insan adalah sebahagian daripada konsep pembangunan insan (atau 'pembangunan manusia') yang lebih luas, yang sudah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mulai tahun 1990. Mahbub ul Haq (1995) (pakar ekonomi dari Pakistan), telah mempelopori konsep ini, dan menjelaskan bahawa 'pembangunan manusia' ialah pembangunan yang memusatkan manusia itu sendiri, iaitu manusia menjadi ejen pembangunan dan sekaligus menjadi matlamat akhir kepada pembangunan itu sendiri. Bagi tujuan pengisian atau pelaksanaan konsep ini, pembangunan manusia dibahagikan kepada empat komponen iaitu Kesaksamaan, Produktiviti, Pemerksaan dan Kelestarian (Haq 1995 & Ishak 1999).

Walau bagaimanapun, bagi melengkapkan lagi konsep ini, para sarjana telah menambah baik dengan memasukkan komponen estetika yang merupakan satu dimensi yang cukup penting yang perlu dicapai dan dilibatkan bagi mewujudkan pembangunan modal insan yang lebih ideal. Abdul Rahman (2003), menyifatkan bahawa apabila kelima-lima komponen ini disepadukan dalam agenda pembangunan manusia/insan yang dijadikan ejen dan juga matlamat pembangunan itu akan mendapat faedah dan berupaya menikmati kualiti kehidupan dan kesejahteraan hidup yang lebih baik. Jika diteliti dengan sejelasnya kelima-lima konsep ini mempunyai perkaitan dengan konsep pembangunan mampan yang iaitu;

*"Pembangunan yang dijalankan pada hari ini dapat memenuhi keperluan masa kini
Tanpa membelakangi keperluan generasi akan datang".*

Dengan kata lain maksud pembangunan mampan ialah apa sahaja pembangunan yang dijalankan pada masa kini bagi memenuhi keperluan, dalam masa yang sama tidak akan menjejaskan keperluan generasi yang akan datang. Apa yang dikatakan mempunyai perkaitan dengan pembangunan modal insan ialah *enjin* yang menggerakkan pembangunan adalah manusia dan manusia tersebut perlu diisi dengan pengisian *software* yang berkualiti agar matlamat pembangunan mampan yang dihasratkan oleh negara akan tercapai. Sekira enjinnya tidak dilengkapi dengan pengisian yang ampuh tentang set nilai murni umpamanya kebertanggungjawaban, integriti, amanah dan sebagainya sudah jelas matlamat pembangunan mampan dan modal insan yang ideal sukar untuk digapai.

Pembangunan modal insan adalah pemerksaan insan sebagai individu/aktor kepada pembangunan dan sebagai kelompok /komuniti. Pembangunan modal insan sebenarnya merujuk kepada memperksakan insan itu sendiri. Bagaimana untuk menjadikan insan itu perkasa?. Dalam usaha pembangunan, soal 'modal/aset' amat penting. Material seperti tanah, wang, kilang, prasarana lain amat penting dan perlu ada bagi memastikan kelangsungan pembangunan. Walau bagaimanapun, itu semua tidak memadai. Kesemua elemen tidak akan dapat bergerak tanpa 'modal yang datangnya daripada manusia'.

Apa yang jelas di sini ialah menfokuskan kepada pemerksaan manusia/modal insan digunakan sebagai pendekatan pembangunan manusia dan seharusnya melibatkan agensi di peringkat mikro dan makro. Pemerksaan boleh dilakukan melalui peningkatan keupayaan dan kompetensi individu. Ia memerlukan usaha di peringkat makro (struktur) melalui pewujudan pelbagai institusi pemboleh yang sesuai, dan menyediakan pelaburan yang mencukupi dalam pelbagai bidang, khususnya dalam pendidikan, kesihatan, serta kemudahan prasarana yang berkualiti bagi menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik dan berkualiti. Manakala agensi di peringkat mikro pula perlu mengambil peluang bagi menjayakan proses pembinaan keupayaan mereka dan menyumbang kepada negara (Abdul Rahman 2007).

Justeru itu, pandangan pembangunan yang berpusatkan manusia dan yang menjadikan kesejahteraan manusia sebagai matlamat terakhir ini merupakan satu peralihan besar dalam paradigma pemikiran teori pembangunan konvensional.

5.1 PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN KESEIMBANGAN DALAM PEMBANGUNAN MENYUMBANG KEPADA KUALITI HIDUP MASYARAKAT

Negara kini berdepan dengan satu keadaan yang sangat rumit dalam menghadapi pelbagai cabaran baru, yang dicituskan oleh arus globalisasi sesuai dengan zamannya. Semakin canggih sesuatu zaman, maka semakin canggih dan hebatlah cabaran yang bakal didepani oleh sesebuah negara. Menyoroti sejarah Tanah Melayu (Malaysia), semasa era 1950-an, Tanah Melayu pada masa tersebut berdepan dengan cabaran untuk memerdekakan negara daripada penjajahan British. Era 60-an dan 70-an negara berdepan dengan cabaran perpaduan kaum, ancaman komunis dan membasmi kemiskinan. Kemudian era 80-an dan 90-an pula tidak kurang hebatnya cabaran dari segi menangani kemelesatan ekonomi, memasuki era negara membangun dan globalisasi. Dengan cabaran-cabaran ini, jelas menunjukkan bahawa Malaysia semakin matang sesuai dengan usia kemerdekaannya. Walau bagaimanapun, cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Malaysia tidak hanya ternoktah di situ. Daripada segi pembangunan infrastruktur, ekonomi dan politik Malaysia wajar diberi pujian kerana berjaya meletakkan namanya sebaris dengan negara-negara membangun yang lain. Kestabilan politik yang diyakini oleh pelabur dan mempunyai kemudahan infrastruktur kelas pertama.

Walaupun bagaimanapun, daripada sudut pembangunan sosial, terutama melibatkan pembangunan manusia/modal insan didapati Malaysia masih lagi mempunyai kelemahan dan ketirisan. Bagaimana pembangunan dalam aspek ini ketinggalan, sedangkan daripada aspek lain Malaysia menjadi idola bagi sesetengah negara membangun. Melihat kepada isu sosial ini sewajarnya konsep modal insan dikaitkan dengan konsep pembangunan seimbang/mampan dan holistik seperti yang dibincangkan di atas. Pernerincian dan perluasan konsep modal insan supaya konsep ini tidak terbatas dan dikongkong oleh pandangan lazimnya mengenainya (Abd Rahman 2007).

Pandangan lazim tentang pembangunan modal insan berkisar berkenaan penyediaan pendidikan, pengetahuan dan kemahiran. Program-program yang berkaitan disediakan oleh institusi-institusi yang dilantik oleh kerajaan, kemudian sekelompok individu akan dilatih, diberi ceramah, kursus dan sebagainya sesuai dengan keperluan semasa agar dapat menampung permintaan tenaga kerja bagi pasaran negara. Melalui cara ini, permintaan terhadap tenaga kerja dapat dipenuhi.

Setelah pendidikan, pengetahuan dan kemahiran telah berjaya disalurkan kepada sekelompok individu ini, dan mereka berjaya menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan, persoalannya ialah cukupkah modal insan yang kita bekalkan kepada negara jika jiwa mereka hanya diisi dengan pendidikan formal, pengetahuan dan kemahiran? Realiti hari ini menunjukkan betapa miskinnya jiwa anak-anak muda yang berpendidikan formal, berpengetahuan dan kemahiran apabila mereka terlibat dengan gejala rasuah, penagihan dadah, pelacuran, lumba haram dan sebagainya. Tidakkah penunjuk-penunjuk ini dapat menjelaskan bahawa konsep 'pendidikan, pengetahuan dan kemahiran formal' itu perlu diperhaluskan lagi?.

Kita tidak pernah menafikan bahawa pendidikan, pengetahuan dan kemahiran adalah modal yang tidak penting. Kepentingan pendidikan dan kemahiran bagi seseorang individu merupakan kredit penting dalam menentukan berjaya/gagal seseorang itu semasa sesi temuduga dalam mendapatkan pekerjaan. Namun, lebih berkualiti sekiranya modal insan itu dilengkapi dengan set nilai murni yang menjadi tonggak kepada keutuhan keperibadian individu.

Kerajaan telah memperuntukkan berbillion ringgit untuk membangunkan Malaysia, baik dari segi prasarana, perkhidmatan, perumahan, perhubungan, telekomunikasi dan sebagainya antara lain adalah bagi memastikan kelangsungan rakyat menikmati satu aras kehidupan yang sejahtera dan berkualiti. Walau bagaimanapun, peruntukan ini lebih kepada pembangunan bersifat fizikal/hardware. Sedangkan pembangunan yang bersifat software, menjadi terpinggir dan kurang dikisahkan. Justeru, tidak hairanlah sekiranya kajian yang telah dijalankan oleh beberapa pihak terhadap golongan belia menyatakan bahawa "mereka rela mengambil rasuah sekiranya mereka mempunyai peluang". Kajian yang telah dijalankan oleh Rokiah Ismail et.al (2008) terhadap Sub- Budaya Mat Rempit dan Perubahan Sosiobudaya pula mendapati bahawa kebanyakan golongan ini berasal daripada keluarga yang bermasalah. Mahu mengisi

masa lapang, hobi dan tersisih daripada keluarga merupakan beberapa faktor yang dikenalpasti yang menyebabkan golongan belia berminat kepada sesuatu yang tidak bermoral.

Contoh-contoh kes di atas adalah merupakan sebahagian kecil yang jelas membuktikan bahawa bahana yang dampak hasil daripada pembangunan yang terlampau memihak kepada fizikal. Seandainya permasalahan ini berterusan berlaku tanpa ditangani secara bijak oleh urustadbir negara sudah pasti pembangunan modal insan yang cemerlang yang cuba digapai oleh negara akan menemui kegagalan.

Justeru, pengetahuan dan kemahiran perlu dilengkapi dengan pembinaan set nilai dan sikap murni agar modal insan yang bakal dibentuk dan dibina kelak adalah lebih unggul dan berkualiti. Modal insan ini bukan sahaja unggul dari aspek keperibadian fizikal bahkan mencakupi rohani. Modal insan ini mempunyai pegangan hidup dan hala tuju yang jelas, terikat dengan adat dan batas agama, pandangan hidup yang luhur, beretika, berintegriti yang tinggi dan mempunyai kekuatan minda yang kukuh, yakni mampu untuk menolak sebarang anasir yang negatif, buruk dan juga berupaya untuk membuat keputusan dengan tepat, cepat dan optimistik. Semua elemen ini dikatakan sebagai 'Set Nilai' yang perlu dibekalkan kepada modal insan yang bakal mewarisi dan menerajui pengurusan dan pentadbiran negara di masa akan datang. Tanpa set nilai ini, perjuangan tokoh-tokoh yang telah berjaya mendepani cabaran untuk memerdekakan Tanah Melayu, menyatupadukan kaum, menyingkirkan ancaman komunis, membasmi kemiskinan, cabaran dari segi menangani kemelesatan ekonomi, memasuki era negara membangun dan globalisasi akan menjadi sia-sia. Apa sahaja harta yang kita ada sudah pasti cita-cita kita adalah untuk mewariskan kepada generasi yang tahu menghargai dan mengurustadbirnya dengan bijak. Sekiranya harta ini diwariskan kepada generasi yang tidak tahu menghargai dan cacat dari segi pertimbangan, sudah pasti tamadun Malaysia yang telah dibina dengan keringat, darah dan air mata ini akan hancur dalam sekelip mata.

6.1 KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa konsep pembinaan 'modal insan' seperti yang telah dihuraikan adalah lebih lengkap, jelas, holistik dan 'sustainable' daripada segi pembangunannya. Wawasan 2020 yang telah menjadi cita-cita utama Malaysia untuk mencapainya telah menggariskan bahawa cabaran yang paling banyak dalam mencapainya adalah bersifat *software* berbanding cabaran *hardware*. Untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan peranan institusi yang telah dilantik oleh kerajaan seharusnya perlu bergerak aktif dan wajar melalui transformasi bersesuaian dengan kehendak semasa. Modul-modul kursus harus dikaji semula, diperhalusi dan dirombak sekiranya perlu bagi melengkapkan set nilai yang berkualiti kepada individu. Proses pembinaan modal insan juga tidak bermula semasa berada di sekolah tadika/sekolah menengah/kolej/universiti tetapi bermula semenjak alam kandungan lagi dan tiada noktah iaitu berterusan sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat harus digalakkan kerana sesuatu ilmu itu tidak pernah habis dan melibatkan pelbagai disiplin yang wajar dikuasai agar matlamat untuk membangunkan modal insan ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat akan tercapai.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2002. *Stated-Led Modernization And The New Middle Clas In Malaysia*. Houndmills, UK: Palgravemacmillan.
- Abdul Rahman Embong. 2003. *Pembangunan Dan Kesejahteraan: Agenda Pembangunan Kemanusiaan Abad Ke-21*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara, Komuniti Dan Insan Melampauai 2020*. Bangi. Institut Kajian Malaysia Dan Antarabangsa.
- Brock, D. 1993. Quality Of Life Measures In Health Care And Medical Ethles. In. San. A.S. Nussbaum, M. (Eds). *The Quality Of Life*. Oxford: Claredon press.
- Busch, E.W.1999. Stability And Change Of Subjective Indicator Of Urban Quality Of Life In Switzerland. Dlm. Lim, L.Y., Yuen, B., Low, C. (pnyt.) *Urban quality of life: critical issues and options*. Singapura: NUS.

- Carlsson, I., Frederiksen, S.O. & Gottfries, C.G. 2002. Quality of life and standard of living in a randomly selected group of psychiatrically disabled people in Sweden 2 years after a psychiatry reform. *Eur. Psychiatry*: 17:179-187.
- Cummins, R.J. 1999. A Psychometric Evaluation Of The Comprehensive Quality Of Life Scale-Fifth Edition. Dlm. Lim, L.Y., Yuen, B., Low, C. (pnyt.). *Urban quality of life: critical issues and options*. Singapura: NUS
- Haq, Mahbub ul. 1995. *Reflection On Human Development*. New York: Oxford University Press.
- Ishak Shari. 1999. *Bumi Semua Manusia: Menangani Ketidakserataan Ekonomi Dalam Arus Globalisasi*. (Siri Syarahan Perdana). Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. 1999. *Kualiti hidup Malaysia 1999*. Kuala Lumpur. Jabatan Perdana Menteri
- Leitmann, J. 1999. Can City Quality Of Life Indicator Can Be Objective And Relevant ? Toward A Tool For Sustaining Urban Development. Dlm. Lim, L.Y., Yuen, B., Low, C. (pnyt.). *Urban quality of life: critical issues and options*. Singapura: NUS.
- Lim, L.Y., Yuen, B. & Low, C. 1999. Quality Of Life In City: Definition, Approaches And Research. Dlm. Lim, L.Y., Yuen, B., Low, C. (pnyt.). *Urban quality of life: critical issues and options*. Singapura: NUS.
- Mahathir Mohamad. 1991. *Malaysia Melangkah Ke Hadapan*. Kuala Lumpur; Institut Kajian Strategik Dan Antarabangsa.
- Malaysia. 1999. *Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Noor Azlan Ahmad Zanzali. 1995. *Membina Kepimpinan Dan Kampung Pelajar*. Seminar Penyelidikan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK).
- Raphael, D., Renwick, R., Brown, I., Steinmentz, B., Sehdev, H. & Philips, S. 2001. Making the links between community structure and individual well-being: community quality of life in Riverdale, Toronto, Canada. *Healthy and place* 7:179-196.
- Rokiah Ismail & Muhamad Fuad Bin Abdul Rahim. 2008. Sub-Budaya Mat Rempit dan Perubahan Sosiobudaya. *International Conference on Social, Development and Environment Studies 2008*. The School of Social, Development and Environment Studies. Faculty of Social Science and Humanities. Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaleha Kamarudin. 1996. *Pembangunan Insan Pengalaman U.I.A.M*. Seminar Penyelidikan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK).